



## "PENYELEWENGAN SYIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَن يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِي وَمَن  
يُضْلِلُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآءِيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT. dengan mensyukuri segala nikmat terutama nikmat Iman dan Islam. Jadilah kita di kalangan hambanya yang melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan apabila kita taat kepada Allah SWT. dan



RasulNya, kita akan tergolong di kalangan hambaNya yang mendapat kesejahteraan serta keberkatan seterusnya keredhaan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak.

Pada hari yang mulia ini, marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: "Penyelewengan Syiah".

### **Sidang Jumaat yang dikasihi sekelian,**

Syiah ialah satu golongan yang telah lama berkembang di dunia ini. Golongan Syiah juga telah bertapak di Malaysia umumnya dan Negeri Selangor khususnya semenjak dahulu lagi. Fahaman dan aliran yang dibawa oleh Syiah bukan sahaja telah memecah belahan umat Islam bahkan yang paling penting lagi adalah ia telah menyelewengkan akidah umat Islam. Terdapat beberapa perkara yang didokongi oleh Syiah termasuklah perkara yang menyentuh akidah dan syariah yang telah didapati menyeleweng dari akidah yang sebenar terutama berkaitan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh sebab itu, Negeri Selangor telah memfatwakan ajaran Syiah ini bercanggah dan menyeleweng yang telah dikeluarkan pada 14 Februari 1998. Seterusnya yang terbaru fatwa tersebut diwartakan semula dengan tujuan memperkemaskan dan memperkuuhkan melalui perincian perkara-perkara berkaitan yang terdapat pada kepercayaan dan amalan ajaran Syiah. Ini bertujuan agar peyelewengan dan percanggahan yang terdapat pada ajaran Syiah itu lebih jelas dan perkara-perkara tertentu dapat dilakukan bertepatan dengan percanggahan dan penyelewengannya.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi sekelian,**

Pada asasnya Syiah mendakwa Saidina Ali sahaja yang layak menjadi pengganti Nabi Muhammad SAW. yang sah. Syiah juga turut merendah-rendahkan kedudukan para sahabat Nabi SAW. serta mengkafirkan mereka



terutama tiga orang Khalifah al-Rasyidin iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Umar al-Khattab dan Saidina Uthman RA. Syiah juga telah menyanjung tinggi imam-imam mereka bahkan telah meletakkan imam-imam mereka itu setaraf dan kadangkala lebih tinggi dari Allah SWT. dan Nabi SAW. Selain itu, terdapat beberapa pegangan dan kepercayaan pada ajaran Syiah ini yang menyeleweng, antaranya ialah :

### **Pertama : Khalifah diwasiatkan secara nas**

Syiah mempercayai bahawa imam-imam telah pun ditentukan oleh Allah SWT. melalui lisan RasulNya secara nas. Menurut Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar di dalam kitabnya *Aqaid al-Imamiah* menyebut bahawa imam-imam Syiah adalah dilantik melalui nas, sama seperti perlantikan nabi, tidak berlaku melainkan dengan nas daripada Allah SWT. atau lisan Rasul atau lisan imam yang dilantik secara nas apabila ia hendak menentukan imam selepasnya.

### **Kedua : Imam Adalah Maksum**

Syiah meyakini bahawa imam-imam mereka adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar semenjak kanak-kanak hingga mereka meninggal dunia. Mereka menganggap kedudukan imam-imam setaraf dengan nabi-nabi. Para imam mereka juga tidak melakukan kesalahan dan tidak pelupa. Imam-imam mereka adalah pemelihara dan pelaksana hukum-hukum syariat. Perkara ini telah disebut oleh seorang tokoh besar Syiah yang bernama Syeikh Mufid dalam kitabnya *Awail al-Maqalat*.

### **Ketiga : Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (al-raj'ah)**



Mengikut kepercayaan golongan Syiah, mereka dikehendaki mempercayai bahawa Allah SWT. akan menghidupkan semula orang yang telah mati bersama-sama Imam Mahdi untuk menghukum orang yang mereka anggap telah melakukan kezaliman seperti Sayyidina Abu Bakar, Omar, Othman, Aisyah, Hafsa, Muawiyah dan lain-lain lagi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Selain dari kepercayaan dan pegangan fahaman Syiah yang didapati menyeleweng ini, terdapat juga amalan-amalan tertentu yang diamalkan oleh Syiah bertentangan dengan akhlak dan syariah Islam yang sebenar. Antara perkara-perkara tersebut adalah :

#### **Pertama : Mengamalkan nikah Mut'ah**

Golongan Syiah masih meneruskan amalan nikah mut'ah yang pernah diharuskan pada peringkat awal Islam dalam keadaan dan masa tertentu sehingga sekarang. Mereka menolak pemansuhan syariat tersebut dan menyatakan ianya harus dalam syariat Islam.

Pada amalan mut'ah golongan Syiah, akad, tempoh dan mahar ditetapkan tempoh tertentu yang diredhui kedua-duanya, sama ada sebulan atau setahun atau sehari. Malah nikah mut'ah juga boleh dilakukan dalam tempoh sejam, dua jam, sehari, dua hari atau semalam. Dalam nikah mut'ah juga tidak ditentukan bilangan wanita yang dimut'ahkan sehingga boleh dilakukan sampai seribu orang. Mereka menganggap perempuan yang dimut'ah itu adalah seperti barang sewaan. Perkara ini ada dibincangkan dalam kitab karangan oleh Abu Ja'far Muhammad b. al-Hasan b. Ali al-Tusi, iaitu kitab bertajuk *al-Nihayah Fi Mujarrad al-Fiqh Wa al-Fatwa*.



## **Kedua : Meratapi kematian Sayyidina Husain dengan mencederakan anggota badan mereka sendiri**

Orang-orang Syiah akan mengadakan upacara memukul dada dan menyeksa tubuh badan mereka sempena 10 Muharram bertujuan menangisi kematian Sayyidina Husain. Seperti yang dinyatakan dalam kitab karangan Doktor Musa al-Musawi, *al-Syiah Wa al-Tashih*, pada menyambut hari tersebut mereka akan memukul dengan rantai besi ke atas bahu, mengetuk kepala dengan pedang, menyeksa badan mereka dan berbagai lagi. Ketika tarikh tersebut seluruh golongan yang menganut fahaman Syiah akan mengadakan upacara-upacara memperingati ini sehingga kadang kala perbuatan mereka itu sememangnya menggerunkan dan akan memudaratkan diri mereka sendiri.

## **Ketiga: Menghina isteri-isteri Nabi Muhammad SAW.**

Orang-orang Syiah menghina isteri-isteri Nabi Muhammad SAW. sebagaimana disebutkan dalam kitab *Tuhfah al-'Awam* oleh al-Syed Manzur Husain menyatakan bahawa, para isteri Nabi SAW. telah ingkar dengan segala perintah baginda, menderhaka wahyu yang diturunkan kepada baginda, mengubah agama, menyelewengkan al-Quran sebagai wahyu kepada baginda, menghalang baginda melaksanakan kefardhuan, melantik musuh-musuh baginda sebagai pemimpin dan menuduh para isteri baginda meruntuhkan institusi kenabian. Bukan itu sahaja, dengan tuduhan tersebut, mereka melaknat isteri-isteri Nabi SAW.

## **Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Penyelewengan Syiah amat ketara dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka bukan sahaja menolak hadis-hadis yang



diriwayatkan oleh sahabat-sahabat besar seperti Abu Bakar, Umar dan lain-lain, lebih teruk dari itu mereka juga turut mengkafirkan mereka. Golongan Syiah juga berkeyakinan bahwasanya al-Quran yang ada sekarang ini tidak lengkap. Ini bertentangan dengan penegasan Allah SWT. yang disebutkan dalam al-Quranul Karim.

Sebagaimana firmanNya dalam surah al-Maidah ayat 3 :

...آلِيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ  
بِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ...

“...pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan  
Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu  
menjadi agama untuk kamu...”.

FirmanNya lagi dalam surah al-Hijr ayat 9 :

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

“Sesungguhnya Kamilah Yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah  
Yang memelihara dan menjaganya”.

Mashaf yang ada pada hari ini telah dikumpul pada zaman sahabat dan sampai kepada tabiin dan attabi' tabiin dengan cara mutawattir. Para sahabat telah ijmak dan terima pakai sebulat suara. Semasa pemerintahan Sayyidina Ali, beliau tidak menolak penyusunan al-Quran yang dilakukan oleh para sahabat atau membuat tokok tambah daripadanya. Malah beliau pula yang



mengesyorkan agar kalimah dalam al-Quran diletak baris agar ia mudah dibaca.

### **Sidang Jumaat sekelian,**

Berdasarkan sebahagian dari penyelewengan ajaran Syiah yang telah disampaikan oleh khatib pada hari ini, jelaslah apa yang menjadi pegangan, kepercayaan dan amalan golongan Syiah ini amat bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Percanggahan yang terdapat padanya, bukan sahaja bertentangan pada amalan sahaja, bahkan ia menyeleweng pada perkara pokok akidah itu sendiri. Oleh itu, kita wajib menghindarkan diri daripada terjebak dengan fahaman ini bagi mengelakkan kita turut terpesong dan mengamalkan perkara yang bukan dari syariat Islam yang sebenar.

Bertepatan dengan penyelewengan yang dinyatakan tadi dan beberapa perkara lagi yang bertentangan dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, fatwa yang telah diwartakan berkaitan penyelewengan Syiah di Negeri Selangor sebelum ini telah disemak semula dan diperkuuhkan lagi dengan menegaskan beberapa perkara yang bertentangan dengan syariat Islam yang sebenar. Akhirnya pada 17 Oktober 2013 yang lalu, fatwa yang lebih jelas berhubung amalan Syiah tersebut telah pun diwartakan dan akan diambil tindakan sekiranya terdapat perkara-perkara yang bertentangan diamalkan seperti yang dinyatakan dalam warta berhubung dengan fahaman Syiah di Negeri Selangor ini yang lebih jelas menyatakan bahawa penyelewengan Syiah tersebut.

Pengajaran khutbah hari ini adalah :



1. Umat Islam hendaklah menjauhi dan meninggalkan ajaran Syiah kerana ia bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang telah difatwakan.
2. Sentiasa berusaha mempelajari dan memahami aqidah dan syariat Islam yang betul
3. Sekiranya ada perkara-perkara yang mengelirukan maka hendaklah merujuk kepada pihak-pihak yang berwibawa dan berautoriti seperti jabatan agama dan lain-lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَن يُشَاقِقُ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى  
وَيَتَّبِعُ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُولِهِ مَا تَوَلَّ وَنُصَلِّهِ  
جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا



"Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali".

(an-Nisa': 115)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَتَاءِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللّٰهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . أَللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ ، سُلْطَانِ

شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ。عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِمْ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.